

PERANAN HADITH DALAM ILMU TAUJIH QIRAAAT: ANALISIS TERHADAP KITAB HUJJAH AL-QIRAAAT KARANGAN IBN ZANJALAH

**THE ROLE OF HADITH IN TAUJIH QIRAAAT: ANALYSIS ON THE BOOK OF HUJJAH
AL-QIRAAAT BY IBN ZANJALAH**

Abd Muhaimin bin Ahmad

Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia

71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Email: muhaimin@usim.edu.my

Muhammad Hafiz bin Saleh

Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia

71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Email: mhafiz@usim.edu.my

Zulhilmi bin Mohamed Nor

Faculty of Quranic and Sunnah Studies, Universiti Sains Islam Malaysia

71800, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Email: zulhilmi@usim.edu.my

ABSTRAK

Ilmu *taujih qiraat* merupakan salah satu cabang ilmu yang menerangkan pentafsiran makna dalam perbezaan bacaan al-Quran. Dalam menjelaskan makna perbezaan qiraat, para ulama' sering merujuk kepada asas bahasa Arab seperti nahu, fonologi, morfologi dan juga aspek semantik yang terkandung dalam sesuatu bacaan qiraat. Namun, dalam keadaan tertentu sebahagian ulama' merujuk kepada hadith dalam menghuraikan perbezaan makna yang wujud dalam sesuatu perbezaan qiraat. Justeru, kajian ini akan menjelaskan peranan hadith Rasulullah SAW dalam disiplin ilmu *taujih qiraat* ini, dengan menjadikan Kitab Hujjah al-Qiraat karangan Ibn Zanjalah yang menjelaskan makna perbezaan bacaan dalam kalangan imam qiraat tujuh sebagai bahan kajian. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif yang menggunakan kaedah analisis kandungan dengan melakukan pemerhatian terhadap hadith yang digunakan dalam kitab Hujjah al-Qiraat seterusnya melakukan analisis deskriptif dalam mengenal pasti peranan hadith tersebut dalam menjelaskan perbezaan bacaan qiraat. Di antara dapatan penting kajian ini adalah peranan hadith dalam ilmu ini dilihat dari tiga aspek iaitu ia menghuraikan maksud sesuatu qiraat, menguatkan kewujudan sesuatu qiraat secara langsung dan juga menguatkan kewujudan sesuatu qiraat secara tidak langsung. Kajian ini juga mendapati bahawa peranan hadith agak kecil jika

dibandingkan secara keseluruhan jumlah kalimah al-Quran yang terdapat padanya perbezaan qiraat dan sebahagian hadith tersebut tidak didapati sumbernya, namun kebanyakan hadith tersebut dikuatkan dengan hadith yang lain sebagai *syawahid*.

Kata kunci: Ilmu *taujih*, Qiraat, Hadith, Ibn Zanjalah

ABSTRACT

Taujih qiraat is a knowledge that discusses the meaning and justification in the Qur'anic variant reading (*qiraat*). Scholars of this field often refer to fundamental aspects in Arabic language such as grammar, phonology, morphology and semantic aspects in explaining the meaning and justification of the variation in Qur`anic reading. However, in certain circumstances some scholars also refer to hadith as a source in their explanation and description. Thus, this study discusses the role of hadith of the Prophet SAW in this field of knowledge, by making the book of *Hujjah al-Qiraat* written by Ibn Zanjalah as a study material. The study was conducted using content analysis methods, by performing an observation on the hadiths used in the *Hujjah al-Qiraat*, which were then analyzed descriptively to identify the role of these hadith in explaining the meaning and justification of the variation in Qur`anic reading. Among the important findings of this study is; the role of hadith in this knowledge is seen from three aspects, namely it describes the meaning of a *qiraat*, strengthens the existence of a *qiraat* directly and also strengthens the existence of a *qiraat* indirectly. The study also found that the role of hadith is relatively small, compared to the number of Qur`anic words that recited with various readings, and some of the hadiths were not found in the major hadith books, but most of these hadiths are supported with other hadiths as a *syawahid* (auxiliary).

Keywords: Science of *taujih qiraat*, Qiraat, Hadith, Ibn Zanjalah

1. PENDAHULUAN

Salah satu elemen penting yang seharusnya dipelajari dalam ilmu qiraat ialah ilmu *taujih* qiraat. Ilmu ini menjelaskan makna perbezaan bacaan yang terdapat dalam kalangan imam-imam qiraat. Ini kerana ilmu qiraat bukan sekadar menjelaskan perbandingan cara bacaan antara imam-imam qiraat, namun ia juga berkaitan hubungan makna dan kesan perubahan cara bacaan tersebut.

Dari sudut bahasa, perkataan *taujih* adalah masdar atau kata terbitan bagi kata kerja (wajjaha) - (وَجْهٌ). Ibn Faris di dalam Mu'jam Maqayis al-Lughah mengatakan bahawa (وَجْهٌ) asal yang merujuk kepada hadapan kepada sesuatu. Dalam menghuraikan maksud kata kerja

beliau berkata (وَجَهَتِ الشَّيْءِ عَلَى جَهَةٍ) yang bermaksud ‘menjadikannya di atas satu arah’.¹

Dari sudut istilah ilmu qiraat pula, ilmu *taujih* qiraat merupakan suatu ilmu yang menjelaskan wajah dan makna sesuatu bacaan qiraat dari sudut bahasa dan tafsir dengan bersandarkan kepada dalil-dalil yang berbentuk naqli, ijmak, qiyas dan sebagainya. Ilmu ini juga dikenali dengan beberapa nama yang lain seperti ilmu *ta'lil*, *takhrij*, *ta'wil*, *idhah*, *ihtijaj*, *hujjah* dan *intisar*.²

Jika kita meneliti karya-karya berkaitan ilmu *taujih* qiraat yang ditulis oleh para ulama’, mereka sering menyandarkan serta merujuk kepada asas bahasa Arab seperti nahu, fonologi, morfologi (*sorof*) dan juga aspek semantik untuk menjelaskan maksud yang terkandung dalam sesuatu bacaan qiraat. Namun dalam keadaan tertentu mereka turut menyandarkan penjelasan mereka sumber hadis-hadis Rasulullah SAW dan juga kata-kata para sahabat RA. Justeru, kajian ini akan mengkaji dan menjelaskan peranan hadith Rasulullah SAW dalam disiplin ilmu *taujih* qiraat ini, dengan menjadikan Kitab Hujjah al-Qiraat karangan Ibn Zanjalah yang merupakan salah satu kitab yang popular dalam bidang ini sebagai bahan kajian.

Menerusi kajian ini, kaedah pemerhatian dilakukan terhadap hadith yang digunakan dalam kitab Hujjah al-Qiraat, seterusnya melakukan analisis deskriptif dalam mengenal pasti peranan hadith tersebut dalam menjelaskan perbezaan bacaan qiraat.

Latarbelakang Ibn Zanjalah:

Al-Zirkli (2002) menyatakan bahawa Ibn Zanjalah merupakan salah seorang ulama’ daripada kurun kelima.³ Meskipun sejarawan terdahulu seperti Ibn al-Nadim, al-Zahabi dan Ibn al-Jazari tidak mencatatkan nama dan latar belakang Ibn Zanjalah di dalam kitab bibliografi mereka. Ia dikukuhkan lagi dengan catatan kajian al-Afghani yang merupakan penyemak manuskrip bagi kitab Hujjah al-Qiraat karangan Ibn Zanjalah ini.⁴ Namun begitu, terdapat beberapa karya mutakhir seperti al-Zirkli dan al-Nu`aimi yang menyatakan latar belakang Ibn Zanjalah secara ringkas.⁵

Beliau ialah Abd al-Rahman bin Muhammad bin Zanjalah dan digelar dengan panggilan Abi Zur’ah. Tiada maklumat yang dapat dicari berkaitan tahun kelahiran dan kewafatan tokoh ini, melainkan Al-Zirkli menyatakan bahawa beliau wafat pada sekitar tahun 403 hijrah.⁶ Justeru dapat dianggarkan bahawa tahun kelahiran beliau adalah pada awal atau pertengahan kurun keempat dan beliau hidup sezaman dengan ulama bahasa yang terkenal seperti al-Sirafi (wafat

¹ Lihat: Ibn Faris, Ahmad, Mu'jam Maqayis al-Lughah, Dar al-Fikr, Beirut, hlmn. 1082-1083.

² Abdul 'Ali al-Mas'ul (2007). *Mu'jam Mustalahat 'Ilmi al-Qiraat*. Kaherah: Dar al-Salam, 155.

³ Al-Zirkli, Khairuddin bin Mahmud (2002). *Al-A'lam*. Dar al-'Ilmi li al-Malayin, 3/325.

⁴ Sa'id al-Afghani (2001) *Muqaddimah Muhaqqiq Kitab Hujjat al-qira'at*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah, 25.

⁵ Al-Zirkli, (2002), *op.cit*, 3/325. Al-Na'imy, Hisham Sa'id Mahmud (2005). *Hujjat al-Qira'at Li Abi Zur'ah, Ddirasah Tahliliyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 6.

⁶ Al-Zirkli, (2002), *op.cit*, 3/325.

368H), Ibnu Faris (wafat 395H) dan Ibnu Jinni (wafat 392H). Ini turut dikukuhkan lagi dengan catatan al-Zirikli yang menyatakan bahawa beliau merupakan salah seorang murid Ibn Faris apabila beliau mempelajari kitab karangannya al-Sahabi pada tahun 382H di Kota Rayy.

Ibn Zanjalah merupakan seorang qadhi bermazhab Maliki. Beliau dikenali menerusi kitab yang dikarang oleh beliau sendiri iaitu kitab *Hujjat al-Qiraat*, *Kitab al-Tafsir* dan *kitab Sharf al-Qurra' fi al-Waqf wa al-Ibtida'*.⁷

Metodologi penulisan Ibn Zanjalah dalam kitab *Hujjah al-Qiraat*:

Metodologi penulisan Ibn Zanjalah dalam kitab beliau *Hujjah al-Qiraat* dapat disimpulkan seperti berikut:

i. Skop *Taujih Qiraat*.

Penjelasan *taujih* bacaan qiraat di dalam kitab ini merangkumi keseluruhan al-Quran bermula daripada surah al-Fatiyah sehingga surah al-Nas dan ia disusun mengikut susunan dan turutan ayat dan surah di dalam al-Quran. Namun begitu bagi surah yang tidak mempunyai perbezaan bacaan, Ibn Zanjalah akan meninggalkan surah tersebut dan terus melangkah ke surah berikutnya yang mempunyai perbezaan bacaan dalam kalangan imam-imam qiraat.

ii. Menisbahkan Bacaan Qiraat Kepada Imam Qiraat Tujuh

Di dalam kitab ini, Ibn Zanjalah menjelaskan *taujih* bacaan bagi qiraat tujuh merangkumi qiraat Imam Nafi', Ibn Kathir, Abu 'Amr, Ibn 'Amir, 'Asim, Hamzah, Kisa`ie dan juga perawi-perawi imam tersebut.

Adakalanya Ibn Zanjalah melangkaui perkara tersebut dengan turut menyatakan nisbah qiraat selainnya dari bacaan imam qiraat sepuluh seperti Imam Abu Jaafar dan Ya'kub, namun ia adalah terlalu sedikit. Meskipun begitu, beliau hanya menjelaskan *taujih* bacaan qiraat yang mutawatirah sahaja dan tidak melangkaui kepada penjelasan *taujih* bagi qiraat yang lemah (*shadzdzah*).

iii. Memulakan setiap hujah lafaz (حجۃ)

Ibn Zanjalah memulakan setiap hujah bagi menerangkan *taujih* sesuatu qiraat dengan mengulangi sebutan kalimah (حجۃ). Bahkan sekiranya terdapat banyak sumber yang dikemukakan sebagai hujah sesuatu qiraat, beliau akan menyebut kalimah ini berulang kali secara satu persatu sebelum berpindah kepada kalimah yang berikutnya.⁸ Dengan mengulangi kalimah tersebut para pembaca dapat mengikuti setiap hujah yang dikemukakan dengan jelas dan mudah.

⁷ Al-Zirikli, (2002), *op.cit*, 3/325. Al-Na'im, Hisham Sa'id Mahmud. (2005), *op.cit*, 6.

⁸ Ibn Zanjalah (2001). Abdul Rahman bin Muhammad. *Hujjah al-Qiraat*. Beirut: Muassasah al-Risalah, 77-78.

iv. Sumber *Taujih* Qiraat.

Di dalam menjelaskan *taujih* perbezaan bacaan qiraat yang terdapat dalam satu kalimah Ibn Zanjalah mengemukakan hujah daripada sumber al-Quran terlebih dahulu, diikuti dengan hadith, syair-syair arab, bahasa arab dan nahu mengikut susunan sebagaimana yang disebutkan sekiranya terdapat hujah daripada sumber-sumber tersebut. Namun, kebanyakan sumber hujah yang dikemukakan oleh beliau adalah bersandarkan kepada hujah bahasa arab dan juga nahu.⁹

v. Berijtihad dalam Mengemukakan Hujah Yang Kuat

Di dalam aspek nahu bahasa Arab, Ibn Zanjalah tidak terikat kepada sesuatu aliran atau mazhab sahaja dalam mengemukakan hujah qiraat. Kadangkala beliau memetik pandangan atau kata-kata Mazhab Kufah dan terkadang pula beliau bersetuju dengan pandangan daripada Mazhab Basrah. Namun begitu, Ibn Zanjalah mempunyai pegangan sendiri dan tidak cenderung kepada mana-mazaab tersebut kerana beliau sentiasa memilih pendapat yang paling kuat hujahnya pada pandangan beliau.¹⁰

vi. Memilih Bacaan Qiraat Berdasarkan Hujah (*Ikhtiyar al-Qiraat*)

Selepas mengemukakan hujah bagi menjelaskan *taujih* bacaan-bacaan qiraat, adakalanya Ibn Zanjalah menyatakan bacaan yang menjadi pilihan beliau berdasarkan kekuatan hujah yang dikemukakan. Di antara contoh tersebut ialah:¹¹

﴿فَكَانَتَا حَرَّيْمَ مِنَ السَّمَاءِ فَتَخَطَّفُهُ الظَّاجِرُ﴾
 قَرَأَ نَافِعٌ (فَتَخَطَّفُهُ) بِفتحِ التَّاءِ وَشَدِيدِ الطَّاءِ وَالْأَصْلُ فَتَخَطَّفُهُ فَأَدْغَمَ التَّاءِ فِي الطَّاءِ وَلَقِيَ حَرَّكَةَ التَّاءِ عَلَى الْحَاءِ فَفَتَحَهَا.
 وَقَرَأَ الْبَافُونُ (فَتَخَطَّفُهُ) مُخْفِفًا مِنْ خَطْفٍ يَخْطُفُ وَهُوَ الْأَخْتَيَارُ وَحْجَتْهُمْ قَوْلُهُ تَعَالَى ﴿إِلَّا مَنْ حَيَّفَ الْخَطْفَةَ﴾ وَلَمْ يَقلْ أَخْتَطَفْ وَهُمْ لُعْنَانٌ تَقُولُ الْعَرَبُ خَطْفٍ يَخْطُفُ وَأَخْتَطَفُ يَخْتَطِفُ.

2. ANALISIS PERANAN HADITH DALAM KITAB HUJJAH AL-QIRAAT

Di dalam menilai peranan hadith terhadap ilmu *taujih* qiraat menerusi kitab *Hujjah al-Qiraat* ini, penulis telah mengumpulkan beberapa hadith yang digunakan oleh Ibn Zanjalah sebagai hujah yang menyokong sesuatu qiraat di dalam kitabnya. Menerusi pemerhatian dan penilaian terhadap

⁹. Ibid, 77-79.

¹⁰. Ibn Zanjalah (2001), *op.cit*, 189-190.

¹¹. Ibn Zanjalah (2001), *op.cit*, 476.

hadith-hadith tersebut, dapat disimpulkan bahawa peranan hadith di dalam ilmu *taujih qiraat* dapat dilihat menerusi peranannya dalam aspek-aspek yang berikut:

Pertama: Hadith mengukuhkan kewujudan sesuatu qiraat secara langsung

Hadith yang tergolong di dalam bahagian ini ialah hadith yang mengandungi dan menyatakan ayat al-Quran atau qiraat secara langsung. Di antara contoh hadith yang dijadikan hujah dalam mengukuhkan sesuatu qiraat secara langsung adalah:

- i. Hadith yang dibawa sebagai hujah yang menjelaskan *taujih qiraat* yang terdapat di dalam kalimah ﴿وَاتَّخِذُوا﴾ (al-Baqarah: 125).¹² Di dalam kalimah ini Imam Nafi' dan Ibn 'Amir membacanya dengan baris atas (*fathah*) pada huruf *kha'*, manakala *qurra'* selain mereka membacanya dengan baris bawah (*kasrah*) pada huruf tersebut.¹³ Hadith tersebut adalah:

(أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ أَخْذَ بِيَدِهِ عُمَرَ، فَلَمَّا أَتَى عَلَى الْمَقَامِ قَالَ لَهُ عُمَرُ: هَذَا مَقَامُ أَبِيهِنَا إِبْرَاهِيمَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ.)
قال: نعم. قال: أَفَلَا نَتَخَذُهُ مَصْلِيًّا، فَأَنْزَلَ اللَّهُ جَلَّ وَعَزَّ: (وَاتَّخِذُوا مِنْ مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ مَصْلِيًّا)، يَقُولُ: وَافْعُلُوا).

Hadith ini dikemukakan oleh Ibn Zanjalah sebagai hujah bagi menyokong bacaan qiraat dengan baris bawah pada huruf *kha'* (واتَّخِذُوا) kerana ia adalah selari dengan bacaan yang terdapat di dalam hadith ini. Meskipun Ibn Zanjalah tidak menyatakan sanad dan juga sumber hadith, namun ia turut dikuatkan dengan hadith riwayat lain seperti:

1. Riwayat al-Tirmizi dengan lafaz hadith:

أَنَّ عُمَرَ قَالَ: يَا رَسُولَ اللَّهِ لَوْ كُلِّيْنَا خَلْفَ الْمَقَامِ، فَنَزَّلَتْ (وَاتَّخِذُوا مِنْ مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ مَصْلِيًّا).

Al-Tirmizi mengatakan bahawa hadith ini merupakan hadith hasan sahih.¹⁴

2. Riwayat Ibn Majah dengan lafaz hadith:

عَنْ جَابِرِ أَنَّهُ قَالَ: لَمَّا فَرَغَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ طَوَافِ الْبَيْتِ أَتَى مَقَامُ إِبْرَاهِيمَ، فَقَالَ عُمَرُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ هَذَا مَقَامُ أَبِيهِنَا إِبْرَاهِيمَ الَّذِي قَالَ اللَّهُ (وَاتَّخِذُوا مِنْ مَقَامِ إِبْرَاهِيمَ مَصْلِيًّا)، قَالَ الْوَلِيدُ فَقَلَّتْ مَالِكُ أَهْكَذَا قَرًا وَاتَّخِذُوا، قَالَ: نَعَمْ.¹⁵

- ii. Di antara hadith lain yang membawa peranan sama adalah hadith yang dinyatakan oleh Ibn Zanjalah bagi menjelaskan *taujih qiraat* yang terdapat di dalam kalimah ﴿فَيَقْرَحُوا﴾ (Yunus: 122).

¹². Ibn Zanjalah (2001), *op.cit*, 112-113.

¹³. Ibn Jazari. Muhammad bin Muhammad (2006) *Al-Nasyr fi al-Qiraat al-'Asyar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2/222. Al-Dimyati, Ahmad bin Muhammad (1998). *Ithaf Fudhala' al-Basyar fi al-Qira'at al-'Asyar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 192.

¹⁴. Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa (1998). *Sunan al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi, 5/206.

¹⁵. Ibn Majah, Muhammad bin Yazid (2009). *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah, 1/322.

58).¹⁶ Terdapat perbezaan bacaan qiraat di dalam kalimah tersebut, iaitu Ruwais membacanya dengan huruf *ta'* secara *khitab* (فلتفرحوا), manakala *qurra'* selainnya membacanya dengan huruf *ya'* *al-Ghaib*.¹⁷ Hadith yang dinyatakan oleh Ibn Zanjalah berkaitan *taujih* bacaan qiraat ini adalah:

عن أبي بن كعب قال قال لي رسول الله صلى الله عليه وسلم: أمرت أن أقرأ عليك. قال: قلت وقد سماي ربك. قال: نعم. قال: فقرأ عليّ (يعني النبي صلى الله عليه): (قل بفضل الله وبرحمته فبذلك فلتفرحوا هو خير مما تجتمعون) بالتاء.

Hadith ini dikemukakan oleh Ibn Zanjalah sebagai hujah bagi menyokong bacaan qiraat dengan huruf *ta'* (فلتفرحوا) kerana ia selari dengan bacaan yang terdapat di dalam hadith ini. Meskipun Ibn Zanjalah tidak menyatakan sanad dan juga sumber hadith, namun ia turut dikuatkan dengan hadith riwayat lain seperti:

1. Hadith riwayat Ahmad (1995) dalam musnadnya iaitu:¹⁸

عن أبي بن كعب قال: قال لي رسول الله صلى الله عليه وسلم: يا أبي أمرت أن أقرأ عليك سورة كذا وكذا. قال قلت: يا رسول الله وقد ذكرت هناك. قال: نعم. فقلت له: يا أبا المندى ففرحت بذلك. قال: وما يعنی والله تبارك وتعالى يقول: (قل بفضل الله وبرحمته فبذلك فلتفرحوا هو خير مما تجتمعون).

2. Hadith riwayat Abu Daud di dalam sunannya iaitu:

عن أبٍ أَنَّ النَّبِيَّ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- قَرَا: (بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلْتَفْرَحُوا، هُوَ خَيْرٌ مَا تَجْمِعُونَ)
قال أبو داود: بالتاء.¹⁹

Riwayat-riwayat ini menjadi hujah kepada bacaan qiraat dengan huruf *ta'* pada kalimah (فلتفرحوا), secara khususnya qiraat tersebut merupakan bacaan yang dibaca oleh Ubai bin Ka'ab RA.

Kedua: Hadith menguatkan kewujudan sesuatu qiraat secara tidak langsung

Hadith yang diklasifikasikan sebagai penguat bagi sesuatu qiraat secara tidak langsung ialah hadith yang pada matannya terdapat lafaz yang disebut oleh Rasullullah SAW dan lafaz tersebut menepati bacaan sesuatu qiraat. Di antara contoh hadith tersebut ialah:

¹⁶. Ibn Zanjalah (2001), *op.cit*, 333.

¹⁷. Ibn Jazari (2006), *op.cit*, 2/285. Al-Dimyati (1998), *op.cit*, 316.

¹⁸. Al-Syaibani, Ahmad bin Hanbal (2001). *Musnad Ahmad*. Muassasah al-Risalah, 35/73-74.

¹⁹. Abu Daud, Sulaiman al-Asy'at (2009) *Sunan Abu Daud*. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah, 4/33.

- i. Hadith yang dibawa sebagai hujah yang menjelaskan *taujih qiraat* yang terdapat di dalam kalimah ﴿فِعْمَا﴾ (al-Baqarah: 271).²⁰ Di dalam kalimah ini Imam Ibn 'Amir, Hamzah dan Kisa'ie membacanya dengan baris atas (*fathah*) pada huruf *nun* dan baris bawah (*kasrah*) pada huruf 'ain (﴿فِعْمَا هِيَ﴾). Manakala Imam Qolun, Abu 'Amru dan Syu'bah bagi mereka wajah kedua iaitu dengan membaca secara *ikhtilas* pada baris bawah huruf 'ain. Qurra' selain mereka iaitu Imam Ibn Kathir, Warsy dan Hafs membacanya dengan baris bawah (*kasrah*) huruf *nun* dan 'ain ﴿فِعْمَا﴾.²¹ Hadith yang dibawa oleh Ibn Zanjalah sebagai hujah bagi *taujih qiraat* ini adalah:

قول النبي صلى الله عليه لعمرو بن العاص: (نعمًا بالمال الصالح للرجل الصالح)

Hadith ini menguatkan bacaan sebahagian qurra' iaitu Qolun, Abu Amru dan Syu'bah yang membaca kalimah (نعمًا) di dalam ayat 271 Surah al-Baqarah dengan baris bawah (*kasrah*) huruf *nun* dan baris mati (*sukun*) pada huruf 'ain.

Penulis tidak mendapati hadith dengan lafaz ini di mana-mana kitab hadith, namun terdapat *syawahid* yang menguatkan hadith ini di dalam beberapa kitab hadith dengan lafaz yang lain seperti yang terdapat di dalam Musnad Imam Ahmad dengan lafaz hadith:²²

(يا عمرو نعمًا بالمال الصالح للمرء الصالح)

- ii. Di antara contoh lain yang termasuk di dalam bahagian ini ialah hadith yang disebut oleh Ibn Zanjalah bagi yang menjelaskan *taujih qiraat* yang terdapat di dalam kalimah ﴿وَيَقْتُلُونَ الَّذِينَ يُغَيِّرُونَ الْحَقَّ﴾.²³ Terdapat perbezaan bacaan qiraat di dalam kalimah (نبي) dan pecahan-pecahannya di dalam al-Quran, iaitu Imam Nafi' membacanya dengan penambahan huruf *hamzah*, manakala qurra' selainnya membaca kalimah tersebut dengan tanpa *hamzah*.²⁴ Hadith yang dibawa oleh Ibn Zanjalah sebagai hujah bagi *taujih qiraat* ini adalah:

أن رجلاً قال للنبي صلى الله عليه و سلم: يا نبي الله قال: (لست ببني الله ولكنني نبي الله).

Hadith dengan maksud yang sama juga diriwayatkan oleh al-Hakim di dalam Mustadraknya tetapi dengan lafaz yang sedikit berbeza iaitu:

²⁰. Ibn Zanjalah (2001), *op.cit*, 146-147.

²¹. Ibn Jazari (2006), *op.cit*, 2/177. Al-Dimiyati (1998), *op.cit*, 211.

²². Al-Syaibani, Ahmad bin Hanbal (2001), *op.cit*, 29/229. Al-Haithami di dalam Majma' al-Zawa'id mengatakan bahawa rijal riwayat ini sahih. Lihat: Al-Haithami, 'Ali bin Abu Bakar (1994). *Majma' al-Zawa'id wa Manba' al-Fawa'id*. Kaherah: Maktabah al-Qudsi, 4/64.

²³. Ibn Zanjalah (2001), *op.cit*, 99.

²⁴. Ibn Jazari (2006), *op.cit*, 1/315. Al-Dimiyati (1998), *op.cit*, 82.

عن أبي ذر رضي الله عنه قال جاء أعرابي إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال: يا نبي الله. فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: لستنبي الله ولكنني نبي الله.²⁵

- iii. Di antara contoh lain yang termasuk di dalam bahagian ini ialah hadith yang disebut oleh Ibn Zanjalah bagi yang menjelaskan *taujih qiraat* yang terdapat di dalam kalimah ﴿ حَمَّةٌ ﴾ (al-Kahfi: 86).²⁶ Terdapat perbezaan bacaan qiraat di dalam kalimah tersebut, iaitu Imam Nafi', Ibn Kathir, Abu 'Amru dan Hafs membacanya dengan tanpa huruf *alif* selepas huruf *ha'* dan dengan huruf *hamzah* selepas *mim* (مِيمٌ). Manakala qurra' selain mereka membacanya dengan *alif* selepas *mim* dan menukar *hamzah* kepada huruf *ya'* (حَمَّةٌ).²⁷

Ibn Zanjalah mengemukakan sebuah hadith daripada Abi Zar RA bagi menyokong qiraat yang terdapat pada kalimah tersebut iaitu:

عَنْ أَبِي ذِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ كُنْتُ رَدِيفَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى حَمَّارٍ وَالشَّمْسِ إِذْنَهُ مَغْرُوبًا فَقَالَ: يَا أَبَا ذِرٍ هَلْ تَدْرِي أَيْنَ تَغْرِبُ هَذِهِ؟ قَالَ: إِنَّمَا تَغْرِبُ فِي عَيْنِ حَامِيَةٍ.

Hadith ini menguatkan secara tidak langsung bacaan sebahagian qurra' yang membaca kalimah tersebut dengan huruf *alif* selepas *mim* dan menukar *hamzah* kepada huruf *ya'* kerana persamaan lafaz matan yang terdapat di dalam hadith tersebut.

Sebuah hadith lain yang diriwayatkan oleh Abu Daud dengan sanad yang *hasan* mengandungi matan yang hampir sama juga menyokong hadith yang dikemukakan oleh Ibn Zanjalah bagi menguatkan qiraat tersebut.²⁸

Ketiga: Hadith menghuraikan maksud sesuatu qiraat

Di dalam aspek ini, hadith-hadith yang digunakan bagi menjelaskan *taujih* sesuatu qiraat berperanan sebagai penghurai dan penjelasan maksud sesuatu qiraat. Di antara contoh hadith yang tergolong di dalam kategori ini ialah:

- i. Hadith yang dikemukakan oleh Ibn Zanjalah bagi menjelaskan *taujih* qiraat di dalam kalimah ﴿ فَتَبَيَّنُوا ﴾ (al-Nisa': 94).²⁹ Di dalam kalimah ini Imam Hamzah dan Kisa'ie membacanya

²⁵. Al-Hakim, Muhammad bin Abdullah (1990) *al-Mustadrak 'ala al-Sohihain*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah. 2/251. Imam al-Zahabi dalam menilai hadith ini mengatakan bahawa ia tidak sahih, bahkan ia adalah hadith munkar.

²⁶. Ibn Zanjalah (2001), *op.cit*, 428-429.

²⁷. Ibn Jazari (2006), *op.cit*, 2/314. Al-Dimyati (1998), *op.cit*, 371.

²⁸. Abu Daud, (2009), *op.cit*, 6/124.

²⁹. Ibn Zanjalah. (2001) *op.cit*, 209.

dengan (فَتَبَيَّنُوا), manakala qurra' selain mereka membacanya dengan (فَتَبَيَّنُوا).³⁰ Hadith tersebut adalah:

قول رسول الله صلى الله عليه: (أَلَا إِنَّ التَّبَيْنَ مِنَ اللَّهِ وَالْعِجْلَةُ مِنَ الشَّيْطَانِ فَتَبَيَّنُوا)

Walaupun hadith ini dinilai *mursal* daripada Hasan al-Basri oleh al-'Ajluni dan al-Sakhawi dan daif oleh al-Albani,³¹ namun terdapat hadith saih yang diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam saihnya yang menyokong hadith ini iaitu:

(إِنْ فِيكُ خَصْلَتِينِ يَحْبَهُمَا اللَّهُ الْحَلْمُ وَالْأَنَاءُ)³²

- ii. Turut tergolong dalam kategori ini ialah hadith yang dikemukakan sebagai hujah bagi menjelaskan qiraat yang terdapat di dalam kalimah ﴿وَأَرْجُلُكُم﴾ (al-Maidah: 6).³³ Di dalam kalimah ini Imam Nafi', Ibn 'Amir, Hafs dan Kisa'ie membacanya dengan baris atas (*fathah*) pada huruf *lam* (وَأَرْجُلُكُم), manakala qurra' selain mereka membacanya dengan baris bawah (*kasrah*) huruf tersebut (وَأَرْجُلُكُم).³⁴ Hadith yang dikemukakan oleh Ibn Zanjalah sebagai hujah dalam menghuraikan qiraat ini adalah:

عن رسول الله صلى الله عليه أنه توضأ فغسل رجليه وأنه رأى رجلا يتوضأ وهو يغسل رجليه فقال بهذا أمرت
وقال صلى الله عليه: (وَيْلٌ لِلْأَعْقَابِ وَبِطْوَنِ الْأَقْدَامِ مِنَ النَّارِ)³⁵

Meskipun Ibn Zanjalah tidak menyatakan sanad dan juga sumber hadith, namun ia turut dikuatkan dengan hadith riwayat lain yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad di dalam musnadnya dan al-Haithami mengatakan bahawa rijal hadith ini *thiqah*.³⁶

Menerusi pemahaman terhadap hadith ini, ia menjelaskan bahawa qiraat dengan baris atas (*fathah*) pada huruf *lam* merupakan '*ataf* kepada ﴿فَأَعْسِلُوا وُجُوهَكُم﴾, dan ia menjelaskan maksud bahawa kaki merupakan anggota yang perlu dibasuh dengan air ketika berwudhu'.

3. KESIMPULAN

Menerusi kajian ringkas ini, dapat disimpulkan bahawa peranan hadith dalam ilmu *taujih* dilihat dari tiga aspek iaitu ia dijadikan hujah dalam menguatkan kewujudan sesuatu qiraat secara

³⁰. Ibn Jazari (2006), *op.cit*, 2/189.

³¹. Al-'Ajluni, Ismail bin Muhammad (1405H). *Kasyfu al-Khofa' wa Muzil al-Ilbas*. Beirut: Muassasah al-Risalah, 1/350. Al-Sakhawi, Muhammad bin Abdul Rahman (1985). *Maqasid al-Hasanah*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi, 1/248. Al-Albani, Muhammad Nasiruddin (1992). *Silsilah al-Ahadiyah al-Da'ifah wa al-Maudhu'ah wa Atharuha al-Saiyi' fi al-Ummah*. Riyadh: Dar al-Ma'arif, 14/1267.

³². Muslim bin Hajjaj (t.t.), *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi. 1/48.

³³. Ibn Zanjalah (2001), *op.cit*, 221-222.

³⁴. Ibn Jazari (2006), *op.cit*, 2/254. Al-Dimyati (1998), *op.cit*, 251.

³⁵. Ibn Zanjalah (2001), *op.cit*. 221-222.

³⁶. Al-Syaibani, Ahmad bin Hanbal (2001), *op.cit*, 4/190-191. Al-Haithami, 'Ali bin Abu Bakar (1994), *op.cit*, 240.

langsung dan juga menguatkan kewujudan sesuatu qiraat secara tidak langsung serta ia turut digunakan untuk menghuraikan maksud sesuatu qiraat,. Kajian ini juga mendapati bahawa peranan hadith agak kecil jika dibandingkan secara keseluruhan jumlah kalimah al-Quran yang terdapat padanya perbezaan qiraat yang terkandung di dalam kitab Hujjah al-Qiraat ini. Menyorot kepada hadith-hadith yang digunakan oleh Ibn Zanjalah sebagai hujjah sesuatu qiraat di dalam kitabnya, sebahagian hadith tersebut tidak didapati sumbernya, namun kebanyakan hadith-hadith tersebut dikuatkan dengan hadith-hadith yang lain sebagai *syawahid*.

RUJUKAN (REFERENCES)

- [1] Al-Quran
- [2] Ibn Faris, Ahmad (t.t). *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- [3] Abdul 'Ali al-Mas'ul (2007). *Mu'jam Mustalahat 'Ilmi al-Qiraat*. Kaherah: Dar al-Salam.
- [4] al-'Ajluni. Ismail bin Muhammad (1405H). *Kasyfu al-Khofa' wa Muzil al-Ilbas*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- [5] Al-Albani, Muhammad Nasiruddin (1420H). *Silsilah al-Ahadith al-Da`ifah wa al-Maudhu`ah wa Atharuha al-Saiyi` fi al-Ummah*. Riyadh: Dar al-Ma`arif.
- [6] Abu Daud. Sulaiman al-Asy'at (2009). *Sunan Abu Daud*. Beirut: Dar al-Risalah al-`Alamiyyah.
- [7] al-Dimyati. Ahmad bin Muhammad (2006). *Ithaf Fudhala' al-Basyar fi al-Qiraat al-'Asyar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [8] Ibn Faris, Ahmad. T.t. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr.
- [9] Al-Haithami, 'Ali bin Abu Bakar (1994) *Majma' al-Zawa'id wa Manba' al-Fawa'id*. Kaherah: Maktabah al-Qudsi.
- [10] Al-Hakim. Muhammad bin Abdullah (1990). *al-Mustadrak 'ala al-Sohihain*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [11] Ibn Jazari. Muhammad bin Muhammad (2006). *Al-Nasyr fi al-Qiraat al-'Asyar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- [12] Ibn Majah. Muhammad bin Yazid (2009). *Sunan Ibn Majah*. Beirut: Dar al-Risalah al-`Alamiyyah.
- [13] Muslim bin Hajjaj (t.t.), *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- [14] Al-Na'im, Hisham Sa'id Mahmud (2005). *Hujjat al-qiraat li Abi Zur'ah, Dirasah Tahliliyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- [15] al-Sakhawi. Muhammad bin Abdul Rahman (1985). *Maqasid al-Hasanah*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- [16] Al-Syaibani, Ahmad bin Hanbal (2001). *Musnad Ahmad*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- [17] al-Tirmizi, Muhammad bin Isa (1998). *Sunan al-Tirmizi*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiy.
- [18] Ibn Zanjalah. Abdul Rahman bin Muhammad (2001). *Hujjah al-Qiraat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- [19] Al-Zirikli, Khairuddin bin Mahmud (2002). *Al-A 'lam*. Dar al-'Ilmi li al-Malayin.